

16/01/1997

Law arah sedia pelan strategik

KUALA LUMPUR, Rabu - Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding mengarahkan jabatan serta agensi di kementeriannya menyediakan pelan strategik bagi tahun ini hingga 2000.

Menurutnya, langkah itu selaras arahan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahu semua kementerian membantu memacu pertumbuhan ekonomi negara.

"Saya mengarahkan jabatan dan agensi di kementerian supaya mengemukakan laporan itu dalam lima muka surat.

"Ini membabitkan analisis mengenai kekuatan dan kelemahan dalaman serta saingan dan peluang yang wujud di luar.

"Kita juga mahu melihat wawasan jabatan dalam jangka panjang di samping objektif dan strategi mereka. Langkah ini dijangka membantu mencapai matlamat Perdana Menteri," katanya di sini, hari ini.

Law berkata, beliau mahu laporan itu disiapkan dalam tempoh sebulan bagi membolehkan beliau membuat penilaian dan rumusan.

(END)